

**RANCANGAN PERNIAGAAN
(ETR 300)
ANNAS COMPANY**

DISEDIAKAN UNTUK:

EN. AMRAN BIN. AWANG

PENSYARAH ASAS KEUSAHAWANAN

ITM CAWANGAN PERLIS.

DISEDIAKAN OLEH:

AMRIL FAZLI B. ABD. MANAN 94456835

AZLIZA BT. A. BAKAR @ TAWANG 94640472

NOOR LIZA BT. ISMAIL 94521288

NORKHAIRANI BT. KHAIRUDIN 94617692

SARIMAH BT. BERAHIM 94465497

DIPLOMA PENGURUSAN BANK

DIB 05C

ISI KANDUNGAN

TAJUK

MUKA SURAT

1. Sekapur Sirih	i
	ii
2. Surat Penyerahan	
3. Logo	v
4. Latar Belakang Syarikat Dan Pekongsi	vi
5. Pengenalan Dan Tujuan Syarikat	xii
6. Aspek Pengurusan	1
7. Aspek Pemasaran	14
8. Aspek Kewangan	47
9. Rumusan Dan Penutup	71

PENGENALAN

ANNAS Company adalah nama syarikat yang telah dipersetujui oleh semua ahli kongsi iaitu seramai lima orang. Perniagaan ini berasaskan penjualan dan perkhidmatan membersih serta memasang permaidani secara perkongsian dibawahi Akta Pendaftaran Perniagaan 1956. Perniagaan ini akan memulakan operasinya pada 1 Januari 1998.

Lokasi yang menjadi pilihan semua ahli kongsi adalah di Jalan Sultanah Alor Setar kerana kedudukannya yang strategik di mana ianya terletak di kawasan bandar dan dikelilingi kawasan perumahan yang mempunyai bilangan penduduk yang ramai, kemudahan infrastruktur yang lengkap dan memuaskan untuk memulakan perniagaan. Kawasan tersebut juga dilihat sebagai mempunyai potensi yang baik untuk mengembangkan lagi perniagaan ini.

Pasaran ANNAS Company adalah menjurus kepada pelbagai bentuk perkhidmatan dan pengeluaran corak karpet yang terkini. Target pasaran ANNAS Company, peluang syarikat ini berkembang maju adalah begitu menggalakkan. Oleh itu pengguna boleh membuat pilihan berdasarkan kepada citarasa dan kehendak masing - masing.

TUJUAN RANCANGAN PERNIAGAAN

1. Tujuan utama Rancangan Perniagaan (RP) ini disediakan adalah untuk memudahkan syarikat ini memohon pembiayaan kewangan terutamanya daripada institusi - institusi kewangan iaitu Bank Bumiputer Berhad bagi mendapat pinjaman perniagaan.
2. Penyediaan RP ini juga adalah untuk dijadikan garisan panduan bagi mengendalikan syarikat ini dengan lebih teratur dan dapat mengawal belanjawan syarikat dari semasa ke semasa serta merancang perlaksanaan projek baru.
3. Ia juga bertujuan mendapatkan lesen daripada pihak berkuasa bagi membolehkan syarikat ini beroperasi secara sah di sini udang - undang. Di samping itu, untuk mendapat kelulusan bagi permohonan lokasi.
4. Selain itu, penyediaan RP ini juga adalah untuk memberi keyakinan dan jaminan kepada pihak pengeluar dalam penyediaan bekalan karpet secara berterusan.
5. Rancangan ini juga diharapkan dapat memberi keyakinan kepada pelanggan untuk menggunakan barang dan perkhidmatan yang disediakan oleh syarikat ini memenuhi citarasa dan berkualiti.

LATAR BELAKANG PERNIAGAAN

Nama Perniagaan	:	ANNAS Company
Alamat Perniagaan	:	881, Mukim Alor Malai, Daerah Kota Setar, 05350 Alor Setar, Kedah.
Alamat Surat - Menyurat	:	SDA
No. Telefon	:	04- 7310641
Bentuk Perniagaan	:	Perkongsian
Kegiatan utama	:	Perkhidmatan dan jualan karpet
Tarikh Mula Perniaggaan	:	1 Januari 1997
Tarikh Pendaftaran	:	1 Disember 1996
No. Pendaftaran	:	Akan ditentukan
Modal Permulaan	:	Modal Sebenar RM 150,000.00
Nama Bank	:	Bank Bumiputera Berhad
Jenis Akaun Perniagaan	:	Akaun Semasa